



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : ETIKA DALAM PENGGUNAAN
KOMPUTER

KOD KURSUS : BBP 45302

PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
VOKASIONAL (MULTIMEDIA
KREATIF)

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2013

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN :

1. JAWAB **SEMUA** SOALAN DI BAHAGIAN A DAN B
2. JAWAB **SATU** SOALAN DI BAHAGIAN C
3. KEMBALIKAN KERTAS SOALAN INI BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN.

NAMA: _____

NO MATRIK: _____

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) MUKA SURAT

Bahagian A

- S1** Perkataan Etika berasal daripada perkataan Greek iaitu "Ethos". Apakah yang dimaksudkan dengan Etika?
- A Sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan
 - B Prinsip-prinsip benar atau salah yang boleh digunakan oleh individu dalam membuat pilihan bagi membimbing gelagat manusia
 - C Tingkah laku atau perbuatan manusia mempunyai hubungan yang erat dengan sifat dan pembawaan dalam hatinya
 - D Tingkah laku yang sesuai dengan tatasusila atau peraturan masyarakat setempat di mana masyarakat bertindak sebagai penentu
- S2** Prinsip-prinsip etika juga menyumbang dalam membuat keputusan etika. Setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk
- A menjaga kepentingan diri masing-masing
 - B mengambil tahu hal-hal peribadi jiran-jiran
 - C menghormati keputusan dan menghargai orang lain
 - D menasihati dan menegur kemungkaran yang berlaku di hadapan mata
- S3** Manakah pernyataan berikut tidak benar?
- A Perubahan isu etika komputer jarang berlaku dengan ketara
 - B Etika komputer perlu dikaji agar dapat mendisiplinkan individu dalam penggunaan komputer
 - C Etika komputer perlu dipelajari agar dapat mengelakkan jenayah, penyalahgunaan dan malapetaka komputer
 - D Pengguna akhir tidak nampak kesan dan masalah moral dari aspek sosial pengkomputeran
- S4** Apabila seseorang sedang membelek fail-fail yang ada pada komputer anda tanpa kebenaran anda, ramalkan apakah tindakan yang perlu anda lakukan?
- A menegur perbuatannya
 - B membiarkan sahaja perbuatannya
 - C memaklumkan perbuatannya kepada pihak atasan
 - D menasihatinya agar tidak mengulangi perbuatannya

- S5 Anda diminta untuk menyerahkan segala maklumat peribadi anda kepada satu agensi mencari kerja. Apakah tindakan yang seharusnya diambil sebagai pencari kerja?
- A Memastikan agensi mencari kerja tersebut adalah sah dan berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja
 - B Memastikan segala maklumat peribadi yang diberikan tidak disalahgunakan oleh agensi tersebut
 - C Memastikan terdapat surat perjanjian berkaitan keselamatan data ditandatangani sebelum maklumat peribadi diberikan kepada agensi terbabit
 - D Boleh terus menyerahkan maklumat peribadi tanpa berfikir panjang
- S6 Isu keselamatan maklumat yang sering dihadapi pengguna internet/komputer melibatkan perkara-perkara berikut kecuali
- A kesedaran terhadap maklumat yang dikongsi bersama
 - B kemudahan perniagaan yang sering melekakan pengguna
 - C kekayaan yang mudah diperolehi menerusi keupayaan atas talian
 - D perancangan terhadap teknologi yang bakal digunakan dalam sesebuah institusi atau syarikat
- S7 Sebagai pengguna komputer, kita seharusnya boleh mengenal pasti isyarat-isyarat amaran apabila berlaku kecurian identiti, antaranya
- A rakan-rakan menghantar mesej ke peti inbox anda menyatakan yang anda telah menghantar mesej yang kurang disenangi
 - B pernyataan bank anda menunjukkan berlaku transaksi yang tidak pernah anda lakukan sebelum ini
 - C peti inbox anda dimasukkan email-email yang tidak dapat dikenal pasti sumbernya
 - D anda berasa sering diperhatikan oleh orang yang tidak dikenali namun orang tersebut mengenali anda
- S8 Manakah di antara pernyataan berikut merupakan perbezaan yang paling tepat antara *hacker* and *cracker*?
- A *Hacker* adalah penceroboh yang tidak tahu tujuan/sebab dia menceroboh manakala *cracker* tahu tujuan/sebab sebenarnya dia menceroboh sesuatu sistem komputer
 - B *Hacker* sering menceroboh untuk mendapatkan data secara haram manakala *cracker* menceroboh untuk menguji sistem komputer
 - C *Hacker* menceroboh menerusi laluan yang sukar manakala *cracker* menceroboh menerusi laluan yang mudah
 - D *Hacker* menulis sendiri kod untuk menceroboh manakala *cracker* tidak menulis sendiri kod mereka

- S9** Kevin Mitnik, Kevin Poulsen dan Justin Tanner Peterson adalah tokoh terkenal dalam
- A pencerobohan pangkalan data syarikat
 - B pencerobohan laman sesawang kerajaan Malaysia
 - C pencerobohan sistem komputer
 - D pencerobohan Lahad Datu, Sabah
- S10** Sistem maklumat syarikat N telah diceroboh. Apakah kesan terhadap pencerobohan tersebut?
- A Banyak wang perlu dilaburkan oleh syarikat N bagi memulihkan sistem maklumat yang diceroboh
 - B Syarikat N perlu membangunkan satu sistem maklumat yang baru
 - C Syarikat N perlu memecat semua pekerja yang terlibat dalam proses pembangunan sistem maklumat tersebut
 - D Syarikat N terpaksa menutup perniagaan disebabkan kerugian yang dialami akibat pencerobohan
- S11** Apakah yang dimaksudkan dengan cetak rompak perisian?
- A Penyalinan semula secara haram sesuatu perisian
 - B Pembangunan perisian yang tidak didaftarkan
 - C Penyebaran CD perisian dalam sesebuah institusi
 - D Penduaan CD perisian
- S12** Kecanggihan teknologi, permintaan yang tinggi dan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang adalah penyebab kepada berlakunya
- A pelanggaran etika penggunaan komputer
 - B jenayah cetak rompak perisian yang berleluasa
 - C pencerobohan dalam sesuatu sistem komputer atau pangkalan data
 - D ketidakstabilan emosi pengguna komputer
- S13** Apakah yang dimaksudkan dengan hakcipta?
- A hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka
 - B hak yang diberikan kepada pencipta untuk mendapat keperluan asas, maklumat, membuat pilihan, menyuarakan pendapat dan mendapatkan pendidikan
 - C hak yang diberikan kepada pencipta dalam menghasilkan karya peribadi
 - D hak yang diberikan kepada pencipta bagi melindungi hasil karya mereka daripada dicetak rompak

- S14** Kempen Anti Cetak Rompak Perisian telah dimula dilancarkan di Malaysia bermula pada tahun
- A 1999
 - B 2000
 - C 2001
 - D 2005
- S15** Dalam menangani masalah pemilikan dan hakcipta perisian komputer, apakah yang dimaksudkan dengan memberikan amaran kepada lanun-lanun cetak rompak?
- A Menghantar surat ugutan kepada pembeli perisian agar tidak memasang perisian tersebut di komputernya
 - B Menghantar email-email yang mengandungi amaran kepada pembeli perisian bahawa mereka akan didakwa sekiranya memasang perisian di komputer mereka
 - C Menghantar surat amaran kepada pembeli perisian bahawa mereka akan dihadapkan ke mahkamah sekiranya membuat duplikasi CD perisian
 - D Menghantar mesej yang mengandungi amaran bahawa pembeli perisian akan didakwa sekiranya menyebarkan perisian yang dibeli
- S16** Berikut adalah penyebab mengapa internet boleh membahayakan penggunanya kecuali
- A ancaman internet boleh dibuat dalam pelbagai cara
 - B internet juga boleh menukar orang yang tidak dikenali menjadi kawan
 - C ancaman internet mampu menjatuhkan kedudukan ekonomi seseorang
 - D internet boleh menjatuhkan reputasi seseorang
- S17** Bagaimanakah cara untuk mengelakkan daripada serangan penggunaan internet?
- A Mencari maklumat yang sensitif di komputer perpustakaan
 - B Membuat transaksi wang di talian persendirian
 - C Membuka email di kafe siber
 - D Menukar kata laluan email secara berkala
- S18** Berikut adalah bukan cara untuk menghalang serangan penggunaan internet dengan menggunakan teknologi.
- A *Firewall*
 - B Sentiasa mengemaskini perisian
 - C Menggunakan *antivirus*
 - D Berhati-hati dengan kemasukan email *spam*

- S19** Jika seseorang didapati bersalah melakukan kesalahan dalam Bahagian II, Seksyen 6 Akta Jenayah Komputer iaitu melakukan kesalahan komunikasi salah, apakah hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya?
- A Denda maksimum RM150,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya
 - B Denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya
 - C Denda maksimum RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya
 - D Denda maksimum RM250,000 atau penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya
- S20** Sekiranya Douglas berwarganegara Singapura melakukan urusan dengan peniaga daripada Nigeria menggunakan host yang terletak di China. Douglas tertakluk kepada undang-undang komputer negara berikut
- A China, Singapura dan Britain
 - B China, Nigeria dan Singapura
 - C China, Nigeria dan Amerika Syarikat
 - D China, Singapura dan Uganda

Bahagian B

- S21 (a) Senaraikan dua rukun etika komputer yang dicadangkan oleh Institut Etika Komputer (Computer Ethics Institute)
(2 markah)
- (b) Apabila seseorang ingin membuat keputusan berkaitan dengan etika, terangkan apakah aspek-aspek yang perlu diambil kira sebelum keputusan dibuat.
(3 markah)
- S22 (a) R.O. Mason et al. mengkategorikan isu etika kepada empat iaitu kebersendirian, ketepatan maklumat, hak milik dan isu capaian. Terangkan dengan contoh apakah yang dimaksudkan dengan isu capaian.
(2 markah)
- (b) Anda adalah ahli kepada ACM (Association for Computer Machinery). Nyatakan tiga kod etika professional ACM yang perlu anda patuhi.
(3 markah)
- S23 (a) Senaraikan empat maklumat yang menjadi sasaran penyerang maklumat.
(2 markah)
- (b) Jelaskan perbezaan antara pencegahan dan pengesanan dalam keselamatan komputer
(4 markah)
- S24 (a) Terangkan salah satu daripada empat pengelasan pencerobohan komputer dengan terperinci
(2 markah)
- (b) Kelebihan capaian atau *excess privileges* perlu dijaga dengan baik. Ramalkan apakah kemungkinan yang mungkin berlaku sekiranya kelebihan ini diabaikan oleh pencapainya.
(3 markah)

- S25** (a) Tuliskan dua jenis-jenis cetak rompak perisian. (2 markah)
- (b) Apakah kesan yang mungkin berlaku sekiranya isu cetak rompak ini tidak dikawal. (3 markah)
- S26** (a) Berikan satu situasi yang mana kes cetak rompak perisian boleh berlaku. (2 markah)
- (b) Gunasegaran membeli satu perisian untuk *graphical editing* bagi kegunaan peribadi. Rakannya, Lim, mengetahui perkara tersebut dan meminta Guna memberikan perisian tersebut kepadanya untuk dipasang ke komputernya. Apakah yang tindakan yang harus diambil oleh Guna? (2 markah)
- S27** (a) Jelaskan mengapa cetak rompak perisian sering berlaku. (1 markah)
- (b) Berikan satu situasi yang mana aktiviti cetak rompak perisian boleh berlaku di institusi pengajian tinggi. (2 markah)
- (c) Huraikan bagaimanakah masalah cetak rompak perisian ini boleh menyebabkan berlakunya jenayah sosial. (2 markah)
- S28** (a) Senaraikan tiga jenayah cyber yang sering berlaku dalam masyarakat. (3 markah)
- (b) Jelaskan maksud capaian tanpa kuasa dalam Akta Jenayah Komputer 1997. (2 markah)

- S29** (a) Takrifkan maksud jenayah komputer/siber menurut undang-undang. (2 markah)
- (b) Jelaskan apakah takrifan “melakukan pengubahsuaian tanpa kuasa terhadap kandungan mana-mana komputer”. (3 markah)
- S30** (a) Takrifkan maksud hakcipta. (2 markah)
- (b) Jelaskan apakah hak-hak eksklusif pemilik/penemunya. (3 markah)
- S31** (a) Tuliskan semula tiga kesalahan memintas teknologi yang terkandung dalam Akta Hakcipta 1987. (3 markah)
- (b) Sekiranya seseorang didapati bersalah kali pertama dalam salah satu kesalahan di atas, apakah penalti maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya. (2 markah)

Bahagian C

- S32** Isu cetak rompak perisian sering kedengaran bermula semenjak kemasukan komputer peribadi ke pasaran Malaysia. Sebagai seorang pengguna komputer yang beretika terangkan beserta contoh yang sesuai, lima cara bagi membendung isu ini.

(25 markah)

- S33** "Patrick adalah pembekal peralatan komputer kepada Syarikat E. Satu hari beliau telah menghantar peralatan komputer ke syarikat tersebut pada waktu rehat tengah hari. Ketika itu di pejabat Syarikat A tiada sesiapa yang bertugas kecuali penyambut tetamu. Oleh kerana Patrick adalah individu yang sering berurusan dengan Syarikat A, penyambut tetamu tersebut membenarkan Patrick masuk ke dalam pejabat untuk menghantar peralatan komputer. Apabila melihatkan ruangan pejabat yang kosong tanpa pekerja, Patrick mula membuka komputer setiausaha kepada pengurus kewangan syarikat tersebut dengan niat untuk mencari maklumat pembekal peralatan komputer lain yang berurusan dengan syarikat A."

Berdasarkan situasi di atas, apakah akta yang diperuntukan kepada Patrick? Tuliskan apakah kesalahan yang mungkin telah dilakukan oleh Patrick yang terkandung dalam akta tersebut. Serta nyatakan juga apakah denda maksimum yang boleh dikenakan terhadapnya.

(25 markah)

- S34** Akta Hakcipta telah diwartakan pada 1987. Senaraikan lima jenis hasil karya yang tertakluk dalam akta ini dan jangka masa hakmilikan setiap karya yang disenaraikan. Terangkan juga apakah yang dimaksudkan dengan pelanggaran hakcipta.

(25 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT